



PENGERUSI JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
MERANGKAP AHLI PARLIMEN ROMPIN
PEJABAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN MALAYSIA, JALAN PARLIMEN
50680 KUALA LUMPUR

Tel : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)
Faks : 03-2698 9218
Email : pacparlimen@parlimen.gov.my
Laman Web : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

Kenyataan Media Dato' Hasan Ariffin, Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen Malaysia berhubung pembentangan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) siri 3/2014

23 November 2015.

1. Hari ini, PAC mendengar taklimat daripada Tan Sri Ambrin Buang, Ketua Audit Negara berhubung pembentangan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) siri 3/2014 di Dewan Rakyat pagi ini.
2. Berdasarkan LKAN siri 3/2014, sejumlah 133 kementerian / jabatan persekutuan dan Badan Berkanun Persekutuan menerima Sijil Tanpa Teguran berbanding 132 untuk tahun 2013.
3. Manakala 5 Badan Berkanun Persekutuan & Kumpulan Wang menerima Sijil Berteguran pada tahun 2014 berbanding 6 pada tahun 2013.
4. PAC juga dimaklumkan bahawa Nisbah Hutang Kerajaan Persekutuan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) berada pada paras 54.47 iaitu 0.53 peratus di bawah paras 55 peratus yang ditetapkan Kerajaan dengan hutang kerajaan Persekutuan dalam dan luar negara berjumlah RM582,828 bilion dengan 97 peratus daripadanya adalah pinjaman dalam negeri dan baki adalah luar negara.
5. Menyentuh mengenai Prestasi Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti), jumlah agensi Kementerian Persekutuan termasuk Jabatan Persekutuan dan Badan Berkanun Persekutuan yang mendapat penarafan 4 bintang (Sangat Baik) menurun pada 2014 iaitu 60 berbanding 68 pada 2013.

6. Manakala bagi penarafan tiga bintang iaitu Baik, jumlah agensi Kementerian Persekutuan termasuk Jabatan Persekutuan dan Badan Berkanun Persekutuan juga menurun daripada 72 pada tahun 2013 kepada 70 pada tahun ini.
7. Berikutan itu, boleh disimpulkan bilangan dan peratus Kementerian/Jabatan Persekutuan, negeri dan Badan Berkanun Persekutuan yang mendapat 4 bintang menurun daripada 57.3 peratus pada tahun 2013 kepada 53.4 peratus untuk peringkat Persekutuan; Badan Berkanun Persekutuan juga menurun daripada 23.1 peratus pada 2013 kepada 14.7 peratus tahun 2014 manakala Negeri juga menurun daripada 52.7 peratus pada 2013 kepada 50.7 peratus pada tahun ini.
8. PAC juga dimaklumkan bahawa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) menubuhkan 12 Jawatankuasa Siasatan Khas (JSK) untuk meneliti 12 isu yang dibangkitkan dalam LKAN siri 3/2014 iaitu:
 - a) Pengurusan Projek Pembinaan SMK Agama dan Kemudahan Lain Yang Berkaitan di Kementerian Pendidikan Malaysia (3 isu).
 - b) Pengurusan Kerja Awalan Melalui Kontrak Kerja JKR di Kementerian Kerja Raya (1 isu).
 - c) Projek Menaik Taraf Hospital Sultanah Nora Ismail, Batu Pahat, Johor di Kementerian Kesihatan Malaysia/Kementerian Kerja Raya (6 isu).
 - d) Pembangunan Sosio-Ekonomi Masyarakat Orang Asli di Jabatan Kemajuan Orang Asli (2 isu).
9. Bagi Tindakan Tatatertib yang diambil kepada pegawai dan kakitangan awam pula, bagi LKAN siri2/2014, JPA menyiasat 25 pegawai dan kakitangan awam termasuk 3 berpangkat JUSA C.
10. Bagi LKAN siri 1/2014 pula, JPA mengambil tindakan masing-masing seorang terhadap pegawai berpangkat JUSA C, pegawai berpangkat M52 dan pegawai berpangkat M48. Dua Pegawai berpangkat M52 dan M48 dikenakan tindakan tatatertib turun 3 pergerakan gaji manakala yang berpangkat JUSA C pula tiada tindakan kerana sudah bersara.

11. PAC dimaklumkan bahawa bagi LKAN siri 3/2014, pengauditan prestasi dan pengurusan syarikat dilakukan terhadap dilakukan terhadap 23 agensi di bawah Kerajaan Persekutuan, 5 Badan Berkanun Persekutuan, 41 Kerajaan Negeri/Badan Berkanun/Pihak Berkuasa Tempatan/Majlis Agama Islam jumlah 69.
12. Pengauditan Prestasi Syarikat pula membabitkan 2 Kerajaan Persekutuan, 1 Badan Berkanun Persekutuan, 13 Kerajaan Negeri/ Badan Berkanun/Pihak Berkuasa Tempatan/Majlis Agama Islam, jumlah 16.
13. Keseluruhanya adalah 85 agensi Kerajaan Persekutuan, Badan Berkanun Persekutuan, Kerajaan Negeri/ Badan Berkanun/Pihak Berkuasa Tempatan/Majlis Agama Islam diaudit untuk LKAN siri 3/2014.
14. Bagi LKAN siri 3/2014, Jabatan Audit Negara menjalankan kategori pengauditan terhadap 8 program, 3 Pengurusan Hasil, 5 Penyenggaraan, 7 Pembinaan dan masing-masing 3 Perolehan serta Syarikat.
15. PAC juga berpendapat bahawa sesi ‘townhall’ yang diadakan Ketua Setiausaha Negara bersama semua Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian diadakan dengan lebih kerap.
16. Pada masa sama, PAC juga mahu semua kementerian, jabatan, agensi kerajaan Persekutuan termasuk Negeri memperkasakan Unit Audit Dalam (UAD) masing-masing dalam usaha mengelakkan ketirisan, penyelewengan dan salah guna kuasa.

Cadangan Isu Dipanggil Untuk Prosiding PAC:

- 1) Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani – Pengurusan Subsidi Beras ST15 peratus dan S15 peratus.
- 2) Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah – Program Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat Orang Asli (JAKAO).
- 3) Kementerian Pendidikan Malaysia – Pengurusan Projek-Projek Pembinaan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama dan Kemudahan Lain Yang Berkaitan di Sarawak.
- 4) Kementerian Kerja Raya/Kementerian Kesihatan Malaysia – Projek Naik Taraf Hospital Sultanah Nora Ismail, Batu Pahat.
- 5) Kementerian Dalam Negeri – Pengurusan Kuarters Agensi AntiDadah Kebangsaan (AADK)
- 6) Kementerian Pertahanan – Projek Pembinaan Pusat Pengajian Pertahanan Nasional Putrajaya (PUSPAHANAS)